



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 23 JANUARI 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 23 Januari 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **4,313 kes** (137,019 kes kumulatif, 75.9%);
- Kes baharu : **4,275 kes** (180,455 kes kumulatif);
- Kes import : **11 kes** (8 warganegara dan 3 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **4,264 kes** [3,131 warganegara (73.4%); 1,133 bukan warganegara (26.6%)];
- Kes aktif : **42,769 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **260 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **103 kes**; dan
- Kes kematian : **7 kes** (667 kes kumulatif , 0.37 %)

Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak **1,421 kes (33.2 peratus)**. Daripada jumlah ini, sebanyak **954 kes (67.1 peratus)** adalah daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan. Ini diikuti oleh WP Kuala Lumpur sebanyak **548 kes (12.8 peratus)**, dan Sabah sebanyak **498 kes (11.6 peratus)**.

Sebanyak **26 kes (0.6 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di penjara yang membabitkan Kluster Penjara Jalan Harapan (46 kes), Kluster Tembok Mempaga (9 kes), Kluster Damai Pelangi (5 kes), Kluster Penjara Kepayan (5 kes) dan Kluster Tembok Sungai Udang (3 kes).

Kes-kes kematian pada hari ini melibatkan masing-masing dua (2) kes dari Selangor dan Johor serta masing-masing satu (1) kes dari Melaka, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kesemua kes kematian pada hari ini melibatkan tujuh (7) warganegara. KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2**, manakala ringkasan kes kematian mengikut

negeri adalah seperti di **Lampiran 3** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER

Berikut adalah maklumat terkini berkaitan kluster-kluster di Malaysia sehingga 23 Januari 2021;

- Jumlah kluster : **724 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **11 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **383 kluster** (termasuk **lima (5)** kluster yang tamat pada hari ini iaitu **Kluster Jalan Rusa, Kluster Tower, Kluster Cassia Diamond, Kluster Bukit Punai dan Kluster Estate Maju**);
- Jumlah kluster aktif : **341 kluster**;
- Jumlah kluster dengan pertambahan kes baharu pada hari ini : **84 kluster**; dan
- Kluster-kluster dengan pertambahan kes baharu tertinggi pada hari ini adalah **Kluster Tapak Bina Bali Residence (203 kes), Kluster Pasai (132 kes), dan Kluster Beringin (74 kes)**.

KLUSTER BAHARU

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **11 kluster baharu** yang telah dikenal pasti pada hari ini, yang melibatkan lapan (8) kluster berkaitan tempat kerja, serta masing-masing satu (1) kluster komuniti, kluster keagamaan, dan kluster pusat tahanan.

Perincian kluster-kluster baharu adalah seperti di **Lampiran 4** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

No	Nama Kluster	Negeri	Kategori Kluster
1	Tapak Bina Bali Residence	Melaka	Tempat kerja
2	Tapak Bina Jalan Wangsa	WP Kuala Lumpur	Tempat kerja
3	Jalan Timah Dua	Johor	Tempat kerja
4	Persiaran Tanjung	Johor Bahru	Tempat kerja
5	Kilang Setapak	Sabah	Tempat Kerja
6	Jalan Canggih	Johor Bahru	Tempat kerja
7	Tapak Bina Lebuah Puteri	Selangor	Tempat kerja

8	Kampung Bombalai	Sabah	Tempat kerja
9	Kampung Guntong Luar	Terengganu	Komuniti
10	Kampung Bukit Biah	Terengganu	Keagamaan
11	Tembok Sungai Udang	Melaka	Pusat Tahanan

PENINGKATAN KLUSTER-KLUSTER BERKAITAN TEMPAT KERJA YANG MEMBIMBANGKAN

KKM memandang serius perkembangan peningkatan kes COVID-19 serta kluster-kluster berkaitan tempat kerja yang dilihat mutakhir ini. Ini kemungkinan berkait rapat dengan peningkatan ujian yang dilakukan secara bertumpu bagi mengesan lebih banyak kes dengan secepat mungkin, dan seterusnya mengawal penularan COVID-19. Sejak 1 Disember 2020, kerajaan telah melaksanakan ujian saringan COVID-19 kepada semua pekerja asing di negara ini. Pada peringkat awal, program ini tertumpu di beberapa buah negeri iaitu Selangor, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Sabah, dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Sehingga 22 Januari 2021, sejumlah 350 kluster baharu telah dilaporkan dan sebanyak 225 kluster (64.3 peratus) merupakan kluster berkaitan tempat kerja. Sejumlah 112,225 individu telah disaring, di mana 28,477 kes (25.4 peratus) telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster-kluster ini. Daripada kluster-kluster berkaitan tempat kerja yang dilaporkan, kluster berkaitan perkilangan mencatatkan bilangan kluster yang tertinggi iaitu sebanyak 80 kluster (35.6 peratus), diikuti oleh kluster berkaitan pembinaan sebanyak 53 kluster (23.6 peratus) dan kluster berkaitan perkhidmatan sebanyak 31 kluster (13.8 peratus).

KKM ingin menyeru semua majikan dan para pekerja supaya bersama-sama memainkan peranan dalam membantu KKM dan negara Malaysia membendung penularan COVID-19 di tempat kerja dengan sentiasa mematuhi Prosedur Amalan Standard (SOP) yang telah ditetapkan. Majikan bertanggungjawab untuk menyediakan tempat kediaman pekerja yang kondusif di samping memastikan pekerja sentiasa mengamalkan langkah-langkah pencegahan COVID-19. Antara amalan-amalan yang perlu dilaksanakan adalah seperti berikut:

- Pemeriksaan suhu badan dan gejala sebelum memasuki tempat kerja;
- Penyediaan tempat mencuci tangan atau *hand sanitizer*;

- Kerap melaksanakan proses pembersihan dan pembasmian kuman terutamanya ruang guna sama;
- Amalan jarak sosial selamat iaitu sekurang-kurangnya 1 meter termasuk di ruang kerja dan ruang makan (*pantry*);
- Pastikan pekerja tidak berkumpul di ruang sempit (*confined space*);
- Elakkan terlalu ramai pekerja bersama pada satu masa (*congregation*); dan
- Pastikan jarak 1 meter semasa pekerja bertutur dengan satu sama lain (*close conversation*).

Selain itu, para pekerja diingatkan bahawa setelah pulang bekerja, mereka akan bercampur dengan ahli keluarga, rakan-rakan dan masyarakat di mana risiko jangkitan COVID-19 masih ada. Oleh itu, seperti mana juga di tempat kerja, semua pekerja diminta patuh kepada semua peraturan dan SOP yang telah ditetapkan agar risiko penularan COVID-19 dalam kalangan masyarakat dapat dikurangkan.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

23 Januari 2021 @ 6.00 petang.

LAMPIRAN 1

**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 23 JANUARI 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SELANGOR	1,421	53,384
SABAH	498	46,360
WP KUALA LUMPUR	548 (10)	20,970
JOHOR	425 (1)	15,853
NEGERI SEMBILAN	108	10,837
PULAU PINANG	162	7,075
PERAK	208	5,377
KEDAH	105	5,094
SARAWAK	193	3,124
MELAKA	278	2,836
KELANTAN	78	2,761
PAHANG	75	2,554
WP LABUAN	3	1,983
TERENGGANU	131	1,355
WP PUTRAJAYA	35	744
PERLIS	7	148
JUMLAH KESELURUHAN	4,275 (11)	180,455

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

Perincian 4,275 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 23 Januari 2021 adalah seperti berikut:

- **Selangor: 1,421 kes**

- 137 kes daripada kluster-kluster, termasuk 19 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Tapak Bina Lebu Puteri**;
- 818 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 466 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 548 kes**

- 93 kes daripada kluster-kluster, termasuk 75 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Kilang Setapak** dan **Kluster Tapak Bina Jalan Wangsa**;
- 239 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- 10 kes import dari luar negara; dan
- 206 kes daripada lain-lain saringan COVID-19

- **Sabah: 498 kes**

- 36 kes daripada kluster-kluster, termasuk dua (2) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Bombalai**;
- 343 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 119 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Johor: 425 kes**

- 111 kes daripada kluster-kluster, termasuk 66 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Canggih, Kluster Persiaran Tanjung, dan Kluster Jalan Timah Dua**;
- 142 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Satu (1) kes import dari luar negara; dan
- 171 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Melaka: 278 kes**

- 214 kes daripada kluster-kluster, termasuk 206 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Tapak Bina Bali Residence dan Kluster Tembok Sungai Udang**;
- 40 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 24 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Perak: 208 kes**
 - 22 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 117 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 69 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sarawak: 193 kes**
 - 148 kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
 - 45 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pulau Pinang: 162 kes**
 - 72 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 47 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 43 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Terengganu: 131 kes**
 - 18 kes daripada kluster-kluster, termasuk 15 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Kampung Bukit Biah** dan **Kluster Kampung Guntong Luar**;
 - 46 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 67 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Negeri Sembilan: 108 kes**
 - 17 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 54 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 37 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kedah: 105 kes**
 - Lapan (8) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 44 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 53 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kelantan: 78 kes**
 - Lima (5) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 42 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 31 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pahang: 75 kes**
 - 20 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 36 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 19 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: 35 kes**
 - Lima (5) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 22 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Lapan (8) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Perlis : Tujuh (7) kes**
 - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Enam (6) daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Labuan: Tiga (3) kes**
 - Satu (1) kes daripada kluster; dan
 - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

LAMPIRAN 3

Ringkasan tujuh (7) kes kematian pada 23 Januari 2021 adalah seperti berikut:

No. Kematian	No. Kes	Negeri	Jantina	Umur (tahun)	Hospital/T empat Kematian	Latar Belakang
661	135793	Melaka	Lelaki (WN)	69	Hospital Melaka	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
662	140367	Johor	Perempuan (WN)	50	Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
663	147394	Sarawak	Lelaki (WN)	74	Hospital Sibul	Penyakit darah tinggi, <i>dementia</i> , dan tuberkulosis
664	152504	Selangor	Lelaki (WN)	42	Hospital Sungai Buloh	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik

665	173298	Selangor	Perempuan (WN)	82	Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	Penyakit kencing manis, darah tinggi, buah pinggang kronik, dan strok
666	174069	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	46	Hospital Selayang	Penyakit darah tinggi, dan buah pinggang kronik
667	174599	Johor	Lelaki (WN)	52	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru	Penyakit darah tinggi dan dislipidaemia

*WN merujuk kepada warganegara.

Perincian 11 kluster baharu yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu:

1. KLUSTER TAPAK BINA BALI RESIDENCE

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Melaka Tengah dan Alor Gajah di Melaka. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-158375) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 17 Januari 2021 hasil saringan kemasukan ke wad. Nama kluster merujuk kepada tapak binaan yang terletak di Kawasan Bandar V1, Melaka. Sehingga 23 Januari 2021, sejumlah 403 individu telah disaring, di mana **204 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

2. KLUSTER TAPAK BINA JALAN WANGSA

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Titiwangsa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 23 Januari 2021 hasil saringan bersasar di tempat kerja yang melibatkan pekerja pembinaan di Wangsa Maju, Kuala Lumpur. Sehingga 23 Januari 2021, sejumlah 289 individu telah disaring, di mana **45 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

3. KLUSTER KAMPUNG BUKIT BIAH

Kluster keagamaan ini melibatkan daerah Hulu Terengganu, Kuala Terengganu, Besut, dan Kemaman di Terengganu. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 16 Januari 2021 hasil saringan individu-individu merentas negeri. Nama kluster merujuk kepada lokaliti tempat tinggal kes-kes yang terletak di Kampung Bukit Biah. Sehingga 23 Januari 2021, sejumlah 131 individu telah disaring, di mana **39 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

4. KLUSTER JALAN TIMAH DUA

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Johor Bahru di Johor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 23 Januari 2021 hasil saringan individu bergejala yang merupakan pekerja kilang di Pasir Gudang, Johor. Sehingga 23 Januari 2021, sejumlah 281 individu telah disaring, di mana **34 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

5. KLUSTER PERSIARAN TANJUNG

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Johor Bahru di Johor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 23 Januari 2021 hasil saringan bersasar di tempat

kerja yang melibatkan pekerja kilang di Kampung Tanjung Langsat, Johor. Sehingga 23 Januari 2021, sejumlah 151 individu telah disaring, di mana **33 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

6. KLUSTER KILANG SETAPAK

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Titiwangsa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 23 Januari 2021 hasil saringan bersasar di tempat kerja yang melibatkan pekerja kilang di Setapak, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sehingga 23 Januari 2021, sejumlah 48 individu telah disaring, di mana **30 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

7. KLUSTER TEMBOK SUNGAI UDANG

Kluster pusat tahanan ini melibatkan daerah Melaka Tengah di Melaka. Kes indeks bagi kluster (iaitu kes ke-150855) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 15 Januari 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan banduan dan kakitangan sebuah pusat tahanan di Sungai Udang, Melaka. Sehingga 23 Januari 2021, sejumlah 53 individu telah disaring, di mana **25 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

8. KLUSTER JALAN CANGGIH

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Johor Bahru di Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-178755) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 23 Januari 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster merujuk kepada lokaliti tempat kerja kes indeks yang terletak di Jalan Canggih, Ulu Tiram, Johor. Sehingga 23 Januari 2021, sejumlah 457 individu telah disaring, di mana **22 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

9. KLUSTER TAPAK BINA LEBUH PUTERI

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Petaling di Selangor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 23 Januari 2021 hasil saringan bersasar di tempat kerja yang melibatkan pekerja pembinaan di Bandar Puteri Puchong, Selangor. Sehingga 23 Januari 2021, sejumlah 200 individu telah disaring, di mana **19 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

10. KLUSTER KAMPUNG BOMBALAI

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Tawau dan Kalabakan di Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-

152945) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 16 Januari 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster merujuk kepada lokaliti di mana kes-kes dalam kluster ini dilaporkan iaitu Kampung Bombalai, Sabah. Sehingga 23 Januari 2021, sejumlah 59 individu telah disaring, di mana **16 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

11. KLUSTER KAMPUNG GUNTONG LUAR

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Setiu dan Kuala Nerus di Terengganu. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 14 Januari 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster merujuk kepada lokaliti tempat tinggal kes yang terletak di Kampung Guntong Luar. Sehingga 23 Januari 2021, sejumlah 65 individu telah disaring, di mana **13 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.